


Pengumuman 'Potong' Gaji Menteri, Timbalan Perlu Disusuli Kerahan Total Jayakan Vaksinasi

📅 22 jam lalu 📁 [Berita Lain](#), [Berita Utama](#)

KUALA LUMPUR, 1 Jun – Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek melihat pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin semalam berhubung sumbangan gaji menteri dan timbalan menteri perlu disekalikan dengan langkah susulan yang lain.

Menurut beliau memang benar mesej untuk disampaikan adalah kebersamaan dan pengorbanan mereka pada waktu pandemik ini, namun sepatutnya pengumuman itu disekalikan dengan penegasan perdana menteri, pengerahan total semua menteri dan timbalan menteri dalam menangani pandemik ini.

"Iaitu vaksin, vaksin dan vaksin. Jangan suruh KJ (Khairy Jamaluddin) seorang. Menteri Perlindungan cari setiap pekerja di setiap estet, pekebun kecil atau FELDA. Menteri Pertanian pastikan setiap petani, penternak dan nelayan. Menteri Luar Bandar libatkan semua jentera luar bandarnya kerana isu tak daftar dan tak hadir banyak di luar bandar.



UMNO O

Like Pag



"Setiap menteri ada kakitangan yang beribu. Menteri pendidikan ada 400 ribu guru yang setelah divaksin boleh dikerahkan sebagai sukarelawan vaksin. Kempen, ajar MySejahtera, bantu pendaftaran dan banyak kerja lain yang boleh bantu KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi). Cikgu tinggalkan kerja lain dulu," ujarnya menerusi catatan di Facebook.

Selain daripada itu tambah Shabery lagi boleh dibuat juga 'mapping' dengan pembahagian kawasan tertentu.

"Ada 222 kawasan parlimen. Ada 70 menteri dan timbalan. Seorang baru jaga tiga kawasan. Hampir semua dah ada kawasan masing-masing. Cuma tambah dua atau tiga kawasan sahaja sorang lagi.

"Panggil D.O (Pegawai Daerah) dan kakitangan kerajaan di kawasan berkenaan. Tanya masalah, cari jalan, bincang dan bantu perjalanan rakyat yang jauh ke pusat vaksin," ujarnya. – *UMNO Online*

Oleh: Azman Abas

Berikut artikel penuh beliau:

Bagi yang *follow* saya tahu, hari-hari saya menulis, sejak sekian lama. Namun apa yang tak pernah ditulis mintak potong gaji menteri.

Betul, mesejnya nak beritahu, menteri-menteri dan timbalannya berkorban sewaktu rakyat susah. Namun ia juga boleh dilihat sebagai hukuman kerana gagal jalan



f Facebook

Likes Like Kami

150459

Followers

Follow Kami

Instagram

Followers

Follow Kami

Youtube

Subscribers

Langgan

Telegram

Telegram

Sertai Kami

Linkedin

connections

tugas. Harap tak begitu. Negara lain pun ada buat tapi mereka selesaikan masalah.

Di Parlimen apa yang menteri paling takut apabila ada usul potong RM10 gaji. Menteri yang sombong pasti kelam kabut cari orang pertahankan dirinya dari serangan hujah kenapa dia gagal dan patut dipotong gaji? Apabila ada saja usul ia sudah memalukan.

Sepatutnya pengumuman semalam disekalikan dgn penegasan PM, pengerahan total semua menteri dan timbalan menteri dalam menangani pandemik ini.

laitu vaksin, vaksin dan vaksin. Jangan suruh KJ sorang.

Menteri Perladangan cari setiap pekerja di setiap estet, pekebun kecil atau felda. Menteri Pertanian pastikan setiap petani, penternak dan nelayan. Menteri Luar Bandar libatkan semua jentera luar bandarnya kerana isu tak daftar dan tak hadir banyak di luar bandar.

Setiap menteri ada kakitangan yang beribu. Menteri pendidikan ada 400 ribu guru yang setelah divaksin boleh dikerahkan sebagai sukarelawan vaksin. Kempen, ajar mysejahtera, bantu pendaftaran dan banyak kerja lain yang boleh bantu KKM dan MOSTI. Cikgu tinggalkan kerja lain dulu.

Buat mapping. Ada 222 kawasan parlimen. Ada 70 menteri dan timbalan. Seorang baru jaga 3 kawasan. Hampir semua dah ada kawasan masing2. Cuma tambah 2 atau 3 kawasan sahaja sorang lagi. Panggil D.O dan kakitangan kerajaan di kawasan berkenaan. Tanya masalah, cari jalan, bincang dan bantu perjalanan rakyat yang jauh ke pusat vaksin.

Vaksin, vaksin, vaksin bukan sekadar untuk warganegara sahaja, tapi semua. Termasuk pekerja ladang, kilang yang bukan warga negara atau pendatang Filipino yang berjuta orang di Sabah. Kalau mereka tak divaksin kita juga susah. Sebab tu Israel pun cari orang Palestin di Jeruselem Timur dan yang bekerja dalam negara mereka untuk divaksin. Bukan sayang tapi untuk lindungi diri sendiri. Israel hanya tak peduli penduduk Gaza atau Tebing Barat sahaja.



Ikuti Kami

App Store

infoPUMAS App



Play Store


infoPUMAS App



RSS

Subscribe

Langgan



TABUNG PERJUANGAN
CIMB BANK BERHAD
86 - 0325726 - 6

Berita Terkini

o PEMERKASA
Plus Harus
Menyeluruh

Ramai seronok sikit dengan bantuan diumumkan semalam. Terima kasih. Tapi kita tak boleh berterusan macam *ni*. PM dah kata kos *lockdown* RM2.4 bilion sehari. 2 hari dah nak sama dengan kos vaksin yang RM5 bilion tu. Kalau 4 hari *lockdown* dah boleh bayar harga premium berganda supaya kita dapat tempahan awal. Kalau gagal lagi tak kan nak *lockdown* lagi dan umum bantuan lagi?

Bantuan PKP 3.0 kerana kegagalan kita sebelum ini. Benar rakyat ada salahnya, tak ikut SOP, nak balik raya. Rakyat pulak tanya kita, siapa yang gatal buat gerakan jatuhkan kerajaan Sabah? Buat PRN dan tak mahu kurantin wajib 14 hari semua yang pulang dari sana? Kita tak jawab pun soalan ini.

Kita semua ada peranan dan kelemahan kita. Semua kena buat kerja. Menteri2 kita lebih lagi. Ada power dan ada apparatus yang besar. Masa dah tak banyak, kalau bulan Ogos tak selesai lagi, takkan nak tambah darurat lagi? Itu bukti kegagalan lebih besar.

Hari ni 1 Jun. 1 Ogos hanya dua bulan lagi. Potong gaji 3 bulan macam tak kena. Sebab pada tanggal 1 Ogos macam-macam boleh berlaku.

Berita Berkaitan



**Harapan Baharu
Gaji Minimum...
Ahmad Zahid
Harap Kerajaan
Utamakan Rakyat**



**Selain Osman,
Sebelas Orang
Menteri PH Lagi
Yang Patut Letak
Jawatan**



**Anggota
Pentadbiran
Kerajaan BN
Setuju Terus
Sokong Kerajaan,
Sepakat
Perkukuh Parti**



**Tangani Kos Sara
Hidup Tapi Majlis
Tindakan
Ekonomi**



**Bung Moktar
Angkat Sumpah
Timbalan Ketua
Menteri 1 Sabah**



**Menteri UMNO
Kekal Untuk
Pastikan Usaha
Tangani COVID-
19, Pulihkan**

Kepada Semua
Golongan – Azhari
Shaari

- Kilang Minuman Keras Bukan Keperluan Asas, Ketegasan Menteri Kanan Pertahanan Dan Kerajaan Dipuji
- Kilang Arak Ditutup: Terima Kasih Menteri Kanan Pertahanan
- Bukan Sekadar Wadah Politik, UMNO Perjuangkan Agama, Bangsa Dan Negara
- Otak Dan Lutut : Pemimpin Pemuda Bersatu Dibidas, Tidak Berpaksakan Realiti Sebenar – Shahril
- Lebih 95 Ribu Syarikat Dibenarkan Operasi, Menteri MITI Perlu Jelaskan Tujuh Persoalan Asas

Video Terkini

- Salah Pangkah: Angka Siapa?
- SELASA 1 JUN 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Suara Dari Palestin
- Pesanan yang ingin di kongsi ketika situasi Covid-19 yang

semakin
meruncing – Mohd
Sharkar Shamsudin

- Setelah setahun
akhirnya Mak Lang
setuju agar rumah
pusaka
peninggalan arwah
suami a
dirobuhkan.
- ISNIN 31 MEI
2021 BERITA
PUMAS 5@5

Podcast Terkini

- JUMAAT 28 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- KHAMIS 27 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- SELASA 25 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- ISNIN 24 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- JUMAAT 21 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- KHAMIS 20 MEI
2021 – BERITA
PUMAS 5@5

